

Musa arah tangkap segera suspek

UM-30/7/2006

KUALA LUMPUR 28 Julai - Kekecohan yang berlaku ketika bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kelantan hari ini berpunca daripada pertengkaran dua kumpulan, satu diketuai Datuk Paduka Ibrahim Ali dan satu lagi oleh Datuk Nik Sopian Nik Yusof.

Sehubungan itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengarahkan agar suspek yang bertanggungjawab menyemburkan pemedih mata sehingga terkena muka Dr. Mahathir ditangkap segera.

"Polis menyasiat kes ini di bawah Seksyen 328 Kanun Keseksaan dan kita telah mengenal pasti lelaki yang menyembur pemedih mata itu di Lapangan Terbang Kota Bharu pagi ini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Menurut Musa, insiden itu berlaku kira-kira pukul 11 pagi selepas Pengerusi Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTKR), Ibrahim dan pemimpin UMNO Kuala Krai, Nik Sopian yang menganjurkan majlis untuk menyambut ketibaan Dr. Mahathir membawa bekas Perdana Menteri itu untuk masuk ke kereta.

"Semasa membawa Dr. Mahathir untuk masuk ke kereta, pertengkaran tercetus antara dua kumpulan itu sehingga berlaku insiden tarik-menarik kerana kumpulan Sabian ingin

membawa Dr. Mahathir ke dalam keretanya.

"Pada masa itu seorang lelaki telah menyembur pemedih mata ke muka Ibrahim dan terkena sedikit muka Dr. Mahathir dan pegawai pengiring beliau," katanya.

Jelas beliau, bekas Perdana Menteri itu kemudian dibawa oleh pegawai peribadinya ke sebuah kereta lain untuk ke tempat penginapan beliau.

Menafikan

Dalam perkembangan berkaitan, Musa juga menafikan sekeras-kerasnya dakwaan bahawa suspek yang memakai jaket dipercayai daripada Pasukan Gerakan Khas Polis seperti yang disebarikan melalui Internet.

"Kita menafikan sekeras-kerasnya berita Internet yang mengatakan mata Ibrahim telah disembur oleh orang yang memakai jaket yang dipercayai daripada Pasukan Gerakan Khas Polis. Kenyataan ini adalah satu perbuatan fitnah untuk memburuk-burukkan polis dan kerajaan,"
tegasnya

Beliau memberi amaran, polis akan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang menyebarkan berita palsu melalui Internet dan media massa.

Sementara itu, Ketua Polis Kelantan, Datuk Zulkefli Abdulah ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, pihaknya meningkatkan tahap keselamatan terhadap bekas Perdana Men-

teri itu selepas insiden yang berlaku di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa.

"Polis meningkatkan tahap keselamatan bagi memastikan semua acara Dr. Mahathir dalam lawatan seharian ke Kelantan berjalan lancar. Tiada masalah berlaku sewaktu Dr. Mahathir menunaikan solat Jumaat di Masjid Kubang Kerian tengah hari ini," katanya.